



# **UiTM@Media** **2016**



# Siswa Cemerlang



UITM@Media  
2016



# UiTM juara futsal

**P**asukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) membuktikan kehebatan apabila muncul juara kategori lelaki Kejohanan Futsal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Grand Finale Piala Menteri Pendidikan 2015 selepas menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 2-0 di Dewan Kompleks Sukan UIAM Kampus Kuantan, baru-baru ini.

Beraksi di gelanggang sendiri ternyata gagal dimanfaatkan tuan rumah apabila dijinakkan UiTM di bawah kendalian jurulatih, Muhammad Syaifullah Norhizan yang seolah-olah begitu mengimpikan kejuaraan selepas gagal melakukannya pada dua sikit sebelum ini.

Muhammad Syaifullah berkata, janji pemain untuk



Wajah ceria pasukan UiTM selepas muncul juara kategori lelaki.

bangkit selepas kecewa pada dua perlawanan akhir sebelum ini berjaya dibuktikan apabila menjadikan tuan rumah sebagai mangsa.

Katanya, di atas kertas UIAM mempunyai kelebihan terutama apabila beraksi di gelanggang sendiri, namun kesungguhan dan semangat

tinggi pemain UiTM mereka akhirnya berjaya.

"Selepas mendahului lawan 1-0 pada babak pertama, corak permainan pasukan UiTM sedikit longgar pada awal babak kedua apabila menerima asakan bertali arus pemain UIAM yang berusaha menyamakan kedudukan.



Juara kategori lelaki dan wanita bersama-sama hadiah yang dimenangi.

BERSAMBUNG  
DI SEBELAH





Aksi pemain ketika  
perlawanan akhir antara  
UiTM dengan UIAM.

“Nasib ternyata tidak menyebelahi pasukan lawan apabila beberapa peluang terhidang gagal menemui penyudah, sebaliknya dalam usaha pemain UIAM menyamakan kedudukan, pintu gol mereka berjaya dibolosi,” katanya.

#### Temui penyudah

Dalam kategori wanita, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang membariskan gandingan pemain lama dan baru seperti diramal menjulang kejuaraan selepas menewaskan Universi-

ti Malaya (UM) 3-1.

Jurulatih UPM, Mohd Hasrul Hasan, berkata kesungguhan dan semangat tinggi pemain menjadi faktor utama mereka muncul juara menewaskan UM yang lebih berpengalaman.

“Kali pertama melangkah ke perlawanan akhir menjadi pencetus utama kepada pemain untuk berusaha membuktikan kemampuan menjulang kejuaraan walaupun tidak banyak diberi harapan,” katanya.

Juara kategori lelaki UiTM menerima hadiah RM20,000 dan piala pusingan, manakala naib juara UIAM meraih RM10,000. Juara kategori wanita, UPM pula membawa pulang RM10,000 dan piala pusingan, manakala UM menerima RM5,000.

Majlis penyampaian hadiah dilakukan Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi, Hazally Jali. Yang turut hadir, Pengarah UIAM Kampus Kuantan, Prof Datuk Dr Tariq Abd Razak.



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said  
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim  
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan  
Hanisah Yacob  
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

**Penyelaras Bahan Akhbar**

Hazizi Jantan  
Nor Azlina Nordin  
Samsinah Selamat  
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid  
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,  
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,  
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

